

# ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN

ISSN 2735-0525

EDISI 1, 2024

**REKABENTUK DALAMAN**  
*Pengaruh Psikologi Pelanggan*

Kejayaan Media Sosial Dalam Industri  
Perniagaan:  
Konteks Perniagaan Viral Menuju Era IR4.0

**Pengubahan Wang & Pengelakan Cukai:**  
*Kesan Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik*

**PASCA PANDEMIK:**  
*10 Idea Trending*  
*Perniagaan Kecil di Malaysia*

**SYAQIST**  
*PENERAJU*  
**CADAR PATCHWORK**  
**PREMIUM**

**TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN**  
*RAHMAT ATAU SUMPAHAN?*

## PENULIS TAMU

# Meninggikan Yang **Rendah** dan Merendahkan Yang **Tinggi**

*Afizan Amer*

Setiap insan memerlukan ilmu pengetahuan sebagai tunjang utama dalam mengangkat tinggi nilai kehidupan di dunia mahupun di akhirat kelak.

Ilmu pengetahuan lazimnya diterima melalui suatu proses pendidikan yang berterusan yang disampaikan oleh para ilmuan. Profesion sebagai seorang ilmuan adalah merupakan antara bidang pekerjaan yang mulia. Seorang ilmuan atau cendekiawan mempunyai darjat dan martabat yang tinggi, di mana kalimah keramat gelaran pensyarah, guru atau ustaz sentiasa abadi dalam kehidupan seorang ilmuan dan tidak pernah dipencenkan oleh masyarakat sekalipun mereka sudah lama bersara. Panggilan panggilan tersebut akan kekal sehingga ke liang lahad pun pasti dibawa bersama.

## Gelaran Ilmuan atau Cendekiawan

Betapa mulianya seorang ilmuan sehingga mereka digelar dengan pelbagai gelaran seperti pensyarah, cikgu, ustaz, maulana, tok guru, syeikh, dan juga kadang-kadang disifatkan sebagai professor, mursyid, murabbi, muaddib dan lain-lain. Ini jelas menunjukkan ianya disanjung kerana dengan merekalah proses manusiakan manusia berlaku bahkan disinilah diri seorang pelajar atau mahasiswa itu diisi dengan jati diri, akhlak, modal insan di samping membawa kepada ma'rifatullah.



Pada masa kini, memegang status sebagai seorang ilmuan bukanlah satu perkara yang mudah. Realiti pada hari ini, menjadi seorang ilmuan bermaksud individu tersebut perlu berhadapan dengan karenah serta perangai pelbagai pihak terutamanya ibubapa, mahasiswa mahupun masyarakat. Ia bukanlah satu perkara yang mudah, namun memerlukan kepada kesabaran dan kesungguhan dalam mendidik generasi yang terbaik.

Oleh itu, sebagai menghargai jasa para ilmuan ini dalam bersusah payah dan berpahit jerih membentuk generasi hadapan ini, kita akan membicarakan tentang "Ilmuan dan Kemuliaannya". Ia bagi membincangkan berkenaan kedudukan seorang ahli ilmu di dalam sesebuah masyarakat.



**M**enurut Sheikhu Islam Ibn Taimiyyah, seseorang yang bergelar ilmunan seharusnya datang dengan sifat tawaduk.

**Sifat tawaduk** dalam diri seorang ahli ilmu bererti menunaikan yang hak dengan bersungguh-sungguh dan memperhambakan diri kepada Allah SWT dengan taat serta tidak memandang tinggi pada diri sendiri. Walau bagaimanapun, realiti hari ini menyaksikan betapa ramai ilmunan atau ahli ilmu yang rata-rata mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, akan tetapi tidak pula memiliki sifat tawaduk yang datang bersama ilmunya.

### Tanggungjawab Kepada Seorang Ilmunan

Oleh kerana ilmunan atau ahli ilmu itu dilihat sebagai pelita yang memberikan cahaya kepada ummah yang memegang wazifah sebagai pewaris Nabi, sudah pasti kedudukannya hendaklah dimuliakan. Oleh kerana itulah kita sering terbaca ramai dalam kalangan para ulama' mengarang kitab, menekankan betapa pentingnya penghormatan dan kemuliaan kepada ahli ilmu ini. Antara mereka adalah seperti Imam al-Ghazali, Ibn Abd al-Bar, Abd al-Fatah Abu Ghuddah, Bakar bin Zid dan al-Ajurri.



Pangkat dan kedudukan sering menjadikan nilai seorang ahli ilmu itu rendah akibat alpa dengan ilmu yang dimilikinya. Padahal, ilmu yang dimiliki merupakan sebahagian kecil pemberian Allah SWT daripada keluasan ilmu-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Katakanlah: Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambahi lagi dengan lautan yang sebanding dengannya sebagai bantuan.”* (Surah al-Kahfi ayat 109).

Sasterawan Negara, Osman Awang dalam sajaknya yang bertajuk "Guru Oh Guru" menyebut:

***Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa,  
Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta,  
Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara,  
Jika hari ini seorang Ulama' yang mulia,  
Jika hari ini seorang Peguam menang bicara,  
Jika hari ini seorang Penulis terkemuka,  
Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa,  
Sejarahnya bermula oleh seorang guru biasa,  
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis baca.***

Sifat tawaduk atau kerendahan hati ini merupakan salah satu ciri insan yang dikasihi oleh Allah SWT. Hal ini kerana, orang-orang yang tawaduk dengan ilmu pengetahuan akan menjadikan diri mereka semakin insaf dan bertakwa kepada Allah SWT.

Jelaslah bahawa hubungan dua hala antara ahli ilmu atau ilmuan dengan Penciptanya sangat penting untuk memelihara keberkatan sesuatu ilmu itu. Bukan sekadar itu sahaja, ilmu yang diberkati ini pula mampu memberi kesan kebaikan yang berpanjangan kepada orang lain.

Penghargaan dan kesyukuran para ilmuan atau ahli ilmu yang ditujukan kepada Allah SWT menjadikan ilmu yang disampaikan mereka melalui penulisan dan wacana-wacana ilmiah bermanfaat kepada orang lain. Hasilnya, keberkatan ilmu tersebut sekali gus menjadi pahala amalan yang berterusan walaupun sesudah seseorang ilmuan itu meninggal dunia. Yang akhirnya yang kita cari adalah keberkatan dan keredhaan Allah. Semoga bermanfaat buat semua.

**Afizan Amer** adalah Ahli *Special Interest Group (SIG)* **Entrepreneurial Management & Leadership Management (EMLD)**,  
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,  
Universiti Teknologi Mara Caw. N.Sembilan,  
Kampus Rembau.

